

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(IX)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

15. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan tahap kualiti Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang.
  - (a) Adakah isu tunggakan gaji telah diselesaikan?

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Rancangan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) dalam meningkatkan tahap kualiti Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang adalah melaksanakan penstrukturran semula barisan pemain di dalam Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang. Antara cadangan penstrukturran semula adalah seperti berikut:
  - (i) FAP berhasrat untuk mendapatkan kembali khidmat pemain-pemain terbaik yang berasal dari Pulau Pinang yang beraksi bersama pasukan lain untuk beraksi di bawah FAP;
  - (ii) FAP juga akan membuat saringan pemain-pemain muda dari Piala Presiden dan Piala Belia yang berkualiti untuk diserap masuk ke dalam pasukan utama Pulau Pinang; dan
  - (iii) FAP merancang untuk bekerjasama dengan akademi-akademi bola sepak di Pulau Pinang bagi mencungkil dan melahirkan bakat-bakat baru yang berkualiti untuk beraksi bersama FAP pada masa hadapan.

- (a) Isu tunggakan gaji Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang telah diselesaikan dengan bantuan dari Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM8.064 juta bagi tahun 2019 kepada FAP bagi bayaran tunggakan gaji, pembayaran gaji serta perbelanjaan operasi. Manakala, bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM8.0 juta kepada FAP bagi pembayaran gaji serta perbelanjaan operasi.